

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah Kementerian benar-benar serius dan komited untuk menyelesaikan masalah banjir yang berlaku Sungai Pinang di Jelutong dan bilakah projek tebatan banjir Sungai Pinang di Jelutong Pulau Pinang dijangka bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan memandang serius dan komited untuk menyelesaikan masalah banjir di seluruh negara. KASA telah memohon peruntukan berjumlah RM150 juta untuk Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang, Pulau Pinang. Projek RTB Lembanga Sungai Pinang telah diluluskan dalam RMKe-11 dan akan diteruskan dalam RMKe-12.

2. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang ini masih di peringkat rekabentuk terperinci dan dijangka tender kerja fizikal pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2025. Jurutera Perunding telah mengemukakan Rekabentuk Konsep (*Conceptual Design*) pada 14 Oktober 2020. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan memuktamadkan opsyen kerja fizikal melalui Makmal Pengurusan Nilai yang dijadual dilaksanakan pada bulan November 2020.

3. Maklumat terperinci Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang seperti berikut:

PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI REKABENTUK TERPERINCI RANCANGAN TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI PINANG, PULAU PINANG	
No. Kontrak	JPS/IP/C/PB/16/2018
Perunding	Nexus EC Sdn Bhd
Tarikh Mula	1 Mac 2019
Tarikh Siap Rekabentuk	28 Februari 2020 (12 bulan)
Tamat Perkhidmatan	31 Oktober 2025 (80 bulan)
Kos Kontrak	RM11,772,946.41 (Fee Perunding (main) RM4,156,250.00 + Reimbursable (main) RM467,030.00 +

	Fee Perunding (additional) RM6,774,966.41 + Reimbursable (additional) RM374,700.00)
SST 6%	RM706,376.78
LAD	RM808.48/day

KERJA-KERJA UKUR KEJURUTERAAN & PENYEDIAAN PELAN PENGAMBILAN TANAH BAGI RANCANGAN TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI PINANG, PULAU PINANG	
No. Kontrak	JPS/IP/C/PB/17/2018
Perunding	Setia Geosolutions Sdn Bhd
Tarikh Mula	22 April 2019
Tarikh Siap Kerja	21 Oktober 2020 (4 bulan ukur + 14 bulan LA)
Tamat Perkhidmatan	31 Oktober 2025 (80 bulan)
Kos Kontrak	RM1,423,696.30 (Fee Kerja Ukur RM1,399,696.30 + Reimbursable RM24,000.00)
SST 6%	RM85,421.78
LAD	RM272.27/day

Sekian, terima kasih.